

12/10/2000

Cabaran dan wawasan belia alaf baru

Nik Yahya Abdul Rahman

KETIKA merasmikan sambutan Hari Belia di Balok, Kuantan, Pahang Mei lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa generasi belia seharusnya menjadi tonggak kepada kesinambungan kejayaan negara dengan mempersiapkan diri mengikut kemampuan masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, generasi belia hendaklah berupaya menangani cabaran dan penjajahan bentuk baru, seperti penjajahan mental yang sedang melanda negara.

Justeru, kita harus membawa negara ini mengikut acuan, hala cara dan bentuk kita sendiri supaya kita tidak ketinggalan.

Sebagaimana anggota masyarakat yang lain, belia turut tidak terkecuali daripada mendepani cabaran besar yang mendatang.

Seiring dengan itu, sikap patriotik yang tinggi, kemampuan bergerak seiring dengan arus globalisasi tanpa melupakan nilai-nilai murni tempatan, kekuatan dalaman dan keupayaan merencanakan masa depan mengikut acuan sendiri, perlu menjadi agenda utama pembangunan belia.

Sesungguhnya, tiada siapa yang dapat meramalkan dengan tepat cabaran yang bakal dihadapi pada alaf baru ini.

Yang penting, kita harus bersedia dan bertanggungjawab merencanakan masa depan negara mengikut arah tuju kita sendiri. Ke arah itu, belia turut memikul peranan besar.

Menjelang alaf baru, kira-kira 60 peratus penduduk negara ini adalah golongan belia. Pertumbuhan penduduk di kalangan belia ialah 2.3 peratus setahun.

Angka ini akan meningkatkan bilangan belia negara daripada kira-kira lapan juta kepada 12.5 juta orang.

Dengan itu, generasi belia berumur 18 hingga 40 tahun mempunyai peranan dan sumbangan yang amat besar dalam menentukan kesinambungan pembangunan masa depan negara ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Hakikatnya, generasi belia perlu menjana kekuatan mental dan fizikal untuk mendepani alaf baru yang lebih perit dan mencabar ini.

Dalam hal ini, yang penting kepimpinan belia memerlukan perubahan sikap dan semangat sayangkan diri dan cintakan agama, bangsa dan negara.

Wawasan 2020 adalah agenda pembangunan negara yang berhasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang setanding dengan negara industri terkemuka dunia.

Justeru, belia harus mempunyai tanggungjawab, bersikap patriotik, beragama, berdikari, membangun, kreatif, bermotivasi, bermaklumat, matang dan mampu berdaya saing dalam menghadapi arus kemajuan dan pembangunan negara.

Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) digubal bertujuan membina generasi belia atau institusi belia yang cemerlang dan berwibawa.

Dalam konteks pembangunan negara masa kini, generasi belia perlu melihat ke arah masa depan yang lebih global.

Setiap warga belia perlu mengenal pasti peranan yang boleh dan patut dimainkan ke arah kerjaya potensi diri dan negara amnya.

Cabaran kepimpinan belia masa kini dalam arus pembangunan diri dan negara adalah cukup besar.

Paradigma belia, pertubuhan dan kepimpinan belia perlu diubah dan diterokai agar ia dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam mencorakkan hala tuju agenda pembangunan dan negara, bukannya sekadar penerima manfaat pembangunan semata-mata.

Apabila setiap daripada kita berupaya memainkan peranan yang sebenarnya dalam kestabilan dan pembangunan negara, maka di situlah letaknya sikap kepemimpinan sebagai faktor penting kejayaan wawasan negara.

Malaysia kini melangkah setapak lagi dengan projek raksasa Koridor Raya Multimedia (MSC). Umumnya ini ialah untuk meletakkan negara sebagai pusat niaga dan teknologi maklumat yang terulung di rantau ini.

Kita tidak menafikan bahawa ramai belia yang tidak memahami peranan dan peluang yang tersedia ada di sebalik projek ini. Kita tidak boleh dan sememangnya tidak wajar hanya melihat orang lain terus maju dalam era ekonomi digital.

Seharusnya kita sendiri menguasai bidang yang sesuai dengan kemahiran dan kebolehan kita. Jika tidak, kita akan ketinggalan.

Isu kegawatan ekonomi sejak Julai 1997 belum lagi selesai walaupun sudah menampakkan indeks ekonomi yang berkembang baik. Kita amat berkeyakinan masalah ini akan dapat diatasi atas semangat sayangkan negara serta komitmen kepemimpinan negara dan generasi belia di seluruh negara.

Bagaimanakah kepemimpinan belia dan generasi belia menyediakan diri untuk berhadapan dengan masalah ini dan mungkin menghadapi krisis lain yang bakal tiba? Inilah nilai kepemimpinan seseorang belia yang bertanggungjawab.

Kita percaya tanggungjawab belia terhadap pembangunan negara adalah besar. Ia bukan saja terpikul di bahu Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, tetapi belia seharusnya mempunyai suatu pertimbangan akal budi yang tinggi dan ciri-ciri patriotisme yang unggul, dengan sikap amanah, berbudi dan bertimbang rasa sentiasa tertanam dalam jiwa mereka.

Ringkasnya, belia adalah golongan yang berkuasa membentuk suatu idealisme positif bagi memantapkan falsafah perjuangan dan kegiatan mereka selaras dengan hasrat dan cita-cita kerajaan untuk mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

(END)